

28 JAN 2003

Mahathir-Islam/I

M'SIA AKAN LAKUKAN APA SAHAJA UNTUK SATUKAN NEGARA ISLAM

KUALA LUMPUR, 28 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia akan lakukan apa sahaja untuk memastikan semua negara Islam bersatu dan berani untuk menghadapi cabaran.

Beliau berkata sebagai sebuah negara Islam, Malaysia akan berbincang dengan para pemimpin Islam lain dan menjelaskan mengenai perlunya untuk mereka mengambil beberapa tindakan, walaupun beliau tidak pasti pandangannya itu akan diterima.

"Kami berpendapat bahawa beberapa negara Islam mungkin akan mengetuai usaha untuk menyatukan umat Islam kerana pada masa ini mereka terancam," katanya dalam satu temubual dalam program Asian Wall Street Journal yang disiarkan menerusi CNBC TV, malam ini.

Dr Mahathir berkata demikian ketika menjawab soalan mengenai peranan yang akan dimainkan oleh Malaysia bagi mendapatkan Arab Saudi untuk memimpin negara Islam lain.

Dr Mahathir ditanya pelbagai bentuk soalan termasuk persaraannya, Islam dan harapan beliau sempena Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) bulan depan dan Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam serta topik mengenai politik, keselamatan dan antarabangsa.

Mengenai pendapatnya bahawa punca masalah terutamanya keganasan harus diperhalusi walaupun media atau kerajaan Amerika Syarikat seolah-olah menerimanya, Perdana Menteri berkata beliau tertanya-tanya mengapa orang beranggapan penganas adalah penganas kerana dia suka menjadi penganas.

"Saya tidak fikir sesiapa pun suka mengikat bom dan serpihan dan meletupkan diri sendiri kerana menyukainya. Saya tidak fikir begitu, mesti ada sebab, sebab kukuh untuk orang muda sekali pun membuat keputusan untuk mengorbankan diri sendiri. Ia bukan persoalan melancarkan serangan dari sejauh 300 batu apabila anda rasa selamat dan orang lain akan dibom, itu lainlah," katanya.

Mengenai negara-negara Islam tidak mempunyai suara untuk memujuk Amerika menyelesaikan konflik Palestin-Israel dan isu rancangan melancarkan perang terhadap Iraq, Dr Mahathir berkata pandangan Eropah pun tidak diambil serius oleh Amerika Syarikat.

Beliau berkata Malaysia yang akan menjadi tuan rumah Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali bulan depan dan Persidangan Pertubuhan Pergerakan Islam pada Oktober, berharap negara Islam lain akan melihat negara ini sebagai satu contoh mengenai bagaimana umat Islam boleh hidup bersama bukan Islam tanpa sebarang masalah.

Dr Mahathir berkata mereka juga wajar melihat bagaimana sebagai sebuah negara Islam, Malaysia boleh ditadbir dengan baik bagi mencapai kemajuan dan umat Islam boleh berlaku adil kepada setiap orang.

"Pada satu peringkat, saya rasa semua ini boleh didapati di Malaysia. Orang mungkin tidak bersetuju tetapi sekurang-kurangnya kami berharap kami dapat bercakap mengenainya kerana banyak negara Islam nampaknya menghadapi ketidakstabilan atau terdapat banyak sangat ketegasan dalam masyarakat mereka," kata beliau.

Dr Mahathir berkata Malaysia juga telah mencapai kestabilan yang lebih kukuh berbanding negara-negara lain walaupun ia adalah negara majmuk dan mempunyai pelbagai agama.

"Ia bukanlah perkara paling mudah untuk dilakukan dalam negara majmuk dan berbilang agama tetapi jika dibandingkan dengan kebanyakan negara pelbagai bangsa dan agama, kami telah melakukannya dengan lebih baik.

"Walaupun dibandingkan dengan negara-negara yang mempunyai satu sahaja kaum, kami adalah lebih stabil," kata Perdana Menteri.

-- BERNAMA

HS HS NAK